

# **Kandungan**

Isu Kerakyatan Kanak-Kanak yang ditempatkan di Pusat-Pusat Jagaan Kanak-kanak

Perlindungan Perkeso bagi Pemandu Teksi

Mengawal Tax Haven

Skim Pesakit Bayar Penuh – Adakah “Due Diligence” diamalkan?

Kementerian Pendidikan Harus Melindungi Pekerja Kontrak Di Sekolah

Memperketatkan Pemberian Paten

Kelambatan dalam Pembedahan Bypass menjelaskan nyawa pesakit

Sistem Insurans Pekerja

Insekuriti Rakyat Terhadap Masa Depan Tidak Ditangani oleh Bajet 2018

*“Tracking Refugees Information System” (TRIS)*

Perbahasan Terhadap Kementerian Pertanian dan Asas Tani.

Tenaga Boleh DiPerbahru

Sistem Kontrak Mengorbankan Kepentingan Pekerja.

Perketatan Hak Cipta Intelek akan Menjejaskan Kesihatan Rakyat

Pakailah Persetujuan Perdagangan untuk Memajukan Kepentingan Rakyat Biasa

PSM dapat menambah nilai pada sistem politik Malaysia

Kata penutup

# **Isu Kerakyatan Kanak-Kanak yang ditempatkan di Pusat-Pusat Jagaan Kanak-kanak**

Ucapan Di Bawah Usul Berkennaan Perkara Tadbir Kerajaan

Saya baru dihubungi oleh seorang wanita bernama Mala yang memegang kad pengenalan sementara bernombor 821231-01-6332 yang berwarna hijau. Beliau sekarang berumur 34 tahun. Ikut surat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertarikh 13/01/1998, Mala telah ditempatkan di Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah Cheras pada tahun 1985, dan selepas itu, pada tahun 1993 diserahkan pada seorang wanita di Taman Overseas Union, Kuala Lumpur untuk dibela.

Masalah yang dihadapi oleh Mala adalah beliau masih belum diiktirafkan sebagai warga Malaysia. Ini menimbulkan pelbagai masalah padanya termasuk akses pada pendidikan, peluang bekerja, caj rawatan di hospital kerajaan, penafian bantuan kebajikan, penafian BRIM dan seterusnya.

Dalam jawapan bukan lisan bernombor 527 pada 17/10/2016 terhadap soalan YB Permatang Pauh, adalah dinayatakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bahawa “*berdasarkan statistic JKM, jumlah anak luar nikah yang berjaya diselamatkan serta diberi perlindungan JKM dari tahun 2010 hingga 2015 adalah seramai 302 orang*”.

Saya ingin tanya pihak JKM, apakah caranya penyelesaian kewarganegaraan 302 kanak-kanak ini ditangani oleh JKM? Adakah JKM sedang berusaha untuk mengenalpasti ibu mereka supaya menyelesaikan isu kerakyatan kanak-kanak ini? Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh JKM untuk memastikan kebajikan kanak-kanak ini dilindungi?

Pada takat ini pendidikan mereka akan terjejas kerana pihak Kementerian Pendidikan tidak akan membenarkan mereka ke sekolah kerajaan kerana isu kerakyatan. Oleh itu proses peminggiran yang bermula bila mereka ditinggalkan terdampar oleh ibu-ibu mereka akan diintensifikasi dengan penafian pendidikan asas pada mereka. Mereka terus dihukum dan disusahkan oleh kerana ketidak tanggungjawapan ibu-bapa mereka.

Menteri Dalam Negeri diberi kuasa di bawah Fasal 15(A) untuk meluluskan kerakyatan untuk kanak-kanak seperti ini. Berapakah kanak-kanak jagaan JKM yang telah diluluskan permohonan kerakyatan melalui Fasal 15(A)?

Berapakah jumlah kanak-kanak dan remaja di bawah umur 21 tahun yang belum dapat kewarganegaraan Malaysia yang sedang dijaga oleh JKM ataupun telahpun ditempatkan oleh JKM dengan keluarga-keluarga “foster” (penjaga)? Tolong menyatakan polisi JKM terhadap isu kerakyatana kanak-kanak dalam situasi ini.

## **Perlindungan Perkeso bagi Pemandu Teksi**

Pindaan RUU Keselamatan Sosial - Pekerjaan Sendiri. 5/4/2017

Terima kasih Tuan Speaker. Saya berbedza sedikit daripada pendirian beberapa orang kawan saya yang telah berucap.

Bila kita kaji situasi di Malaysia, kita ada 14 juta orang dalam tenaga kerja kita. 6.5 juta adalah pekerja di sektor swasta yang sedang diliputi oleh Perkeso dan 1.5 juta lagi adalah kakaitangan kerajaan. 8 juta orang pekerja ini dilindungi jika mereka kena kemalangan ataupun jatuh sakit. Yang bakinya adalah 6 juta orang – mungkin 3 juta adalah orang profesional dan peniaga sederhana besar yang berkemampuan membeli insuran swasta. 3 juta ini juga mempunyai perlindungan.

Tetapi ada 3 juta orang lagi yang berkeja sendiri – pekebun kecil, pesawah padi, peniaga kecil, pekerja kontrak, nelayan – yang berpendapatan rendah, dan pada takat ini tiada sebarang perlindungan jika mereka jatuh sakit ataupun terlibat dalam kemalangan. Pada takat ini 3 juta orang ini terpaksa bergantung pada ahli keluarga mereka dan biasanya keluarga mereka juga berpendapatan rendah.

Oleh itu saya amat mengalu-alukan initiative kerajaan dalam membentangkan RUU ini untuk memperluaskan perlindungan Perkeso kepada 70,000 pemandu teksi di negara kita. Syabas pada Kementerian Sumber Manusia! Saya harap apabila tabung ini besar sedikit, golongan-golongan lain yang berkerja bersendirian juga akan diberi perlindungan ini.

Tetapi saya tidak setuju dengan seksyen 11(4) yang mengatakan sesiapa pemandu yang tidak mencarum pada skim ini akan dikenakan denda sebanyak RM10,000 ribu ataupun penjara sampai 2 tahun. Adakah ini perlu? Mengapakah kita mahu memaksa orang menerima bantuan yang

kita hulurkan? Saya rasa kita boleh terima syor Pasir Gudang bahawa kaedah KWSP diikut di mana orang yang berkerja bersendirian ataupun “self employed” boleh mencarum kepada KWSP jika dia mahu, tanpa sebarang paksaan.

Saya ingin tanya apakah sebab kita mahu memakai ajen swasta untuk mengutip caruman seperti diperuntukkan dalam seksyen 12(1)? Dalam arena insurans kita kadang kala berjumpa kes-kes di mana ajen insurans tidak membayar wang yang dikutip daripada klien kepada syarikat insurans. Oleh itu klien terlibat hilang perlindungan kerana dalam rekod syarikat insurans dia sudah gagal membayar. Apakah caranya Perkeso ingin mengelak daripada kemungkinan ini?

Seksyen 39(1) RUU Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 menyatakan bahawa “penilai-penilai perubatan” akan diberi tugas menentukan keseriusan kecederaan yang telah dialami oleh pemandu dan kadar kecacatan kekalnya. Mengapa kita ingin memakai doctor swasta untuk tugas ini? Ini amat berbedza dengan kaedah yang dipakai oleh Perkeso sehingga sekarang di mana Jemaah-Jemaah Doktor ditubuhkan daripada doctor-doktor pakar di Hospital Kerajaan. Saya ada keraguan YB Menteri. Saya khuatir Perkeso akan gugurkan doctor-doktor yang dianggap sebagai terlalu sympathetic pada pemandu dalam menentukan kadar ganti rugi.

Perkeso juga mesti memastikan penilai perubatan memahami peranan mereka. Dalam system yang sedia ada, kadang kala Jemaah Doktor (JD) tidak sedar bahawa bayaran pampasan Hilang Upaya Sementara akan dihentikan pada takat Jemaah Doktor menetapkan persen Kehilangan Upaya Kekal (HUK). Apa yang harus dilakukan oleh JD adalah untuk menangguhkan penentuan kadar HUK sehingga rawatan dan pemulihan telah diselesaikan. Saya harap Menteri akan mengambil langkah untuk menanagni kelemahan ini.

Pada takat ini, Akta ini hanya memperuntukkan untuk kecederaan yang berpunca daripada kemalangan. Belum lagi ada kemudahan pensen ilat seperti yang dibayar di bawah Perkeso sekarang. Saya harap bila tabung ini membesar, faedah-faedah lain seperti pensen ilat dan pensen penakat boleh diperkenalkan dan golongan bekerja bersendirian yang lain boleh juga dilindungi oleh skim ini.

Saya sokong Rang Undang-Undang ini. Terima kasih.

## **Mengawal Tax Haven (5/4/2017)**

Pindaan Terhadap Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Saya berdiri untuk menyokong Pindaan ini yang bertujuan memperketatkan undang-undang berkaitan bayaran cukai. Dengan Pindaan ini, denda maxima bagi kesalahan mengelak dari membayar cukai dinaikkan dari satu ribu ringgit ke sejuta ringgit.

Ini amat penting, kerana Tax Avoidance ataupun usaha mengelak dari membayar cukai adalah satu wabak yang melanda dunia kita. Pihak 0.001% terkaya sekarang sedang menyorokkan untung lumayan mereka di tax haven (kawasan-kawasan di mana kadar cukai adalah amat rendah) diluar sisir seperti Cayman Islands dan Bahamas supaya dapat mengelak dari bayar cukai ke mana-mana kerajaan.

Tindakan sedemikian memperlemahkan permintaan kasar ataupun aggregate demand. Perbelanjaan kerajaan adalah satu bahagian penting dalam permintaan kasar negara. Bila kerajaan tidak dapat mengutip cukai yang harus dibayar padanya oleh kerana syarikat kaya memakai kelonggaran yang wujud di tax haven luar sisir untuk menyembunyikan untung mereka, permintaan kasar dalam negara dijejas.

Pengecutan permintaan kasar merugikan kita semua. Perniagaan lain tidak dapat pasaran yang mencukupi dan oleh itu perkembangan ekonomi disekat dan peluang berkerja pun berkurangan. 0.001% itu pun kekurangan peluang untuk melabur. Semua rugi! It's a lose-lose situation.

Adalah penting negara-negara lain juga ambil langkah yang tegas dan berkesan untuk menyekat kelonggaran yang wujud sekarang di ekonomi antarabangsa. Keputusan Malaysia untuk memperketatkan system percukaian korporat kita adalah satu langkah yang bertanggungjawab.

Saya menyokong Pindaan ini.

## **Skim Pesakit Bayar Penuh – Adakah “Due Diligence” diamalkan?**

Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan Skim Pesakit Bayar Penuh (Skim PBP) pada tahun 2007 di Hospital Selayang dan Hospital Putrajaya. Apabila KKM mengumumkan pada tahun 2010 bahawa Skim PBP akan diperluaskan ke empat buah Hospital Kerajaan lagi, beberapa kumpulan sivil dan politik telah membantah cadangan itu kerana kami telah menerima maklumbalas bahawa Skim PBP mewujudkan pertindihan kepentingan di kalangan doctor pakar dan berpotensi menjelaskan kualiti rawatan bagi pesakit biasa. KKM telah menangguhkan perlaksanaan Skim PBP pada takat itu, tetapi secara senyap tekah melaksanakannya di 8 buah hospital pada tahun 2015. Skim PBP akan diperluaskan kepada 8 buah hospital kerajaan lagi tahun ini.

Adakah odit terhadap kesan Skim PBP dijalani di Hospital Selayang dan Putrajaya sebelum keputusan untuk melaksanakannya di hospital-hospital lain? Adakah odit ini mengambil tahu pandangan pesakit biasa, doktor pakar yang tidak ambil bahagian dalam skim PBP, doktor yang sedang latih dan jururawat? Siapakah pihak yang menjalani odit di Selayang dan Putrajaya dan apakah kepakaran pihak ini dalam menjalani odit sebegini? Adakah kerahsiaan (confidentiality) responden terjamin dalam proses odit?

Apakah kriteria yang dipakai untuk mengukur penglibatan pakar dalam rawatan pesakit biasa sebelum dan selepas Skim PBP diperkenalkan? Bagaimanakah masa yang diguna oleh pakar untuk menjaga pesakit biasa diukur? Bagaimanakah kesan Skim PBP terhadap latihan doctor pakar muda dinilai?

Apakah sebabnya penemuan (findings) odit ini tidak diumumkan sebelum Skim PBP diperluaskan ke hospital-hospital lain? Mengapa kumpulan-kumpulan sivil yang membantah skim ini pada Disember 2010 tidak dijemput ke suatu sesi dialog sebelum perlaksanaan skim ini di 8 hospital pada tahun 2015?

Sistem Perkhidmatan Kesihatan Awam kita adalah suatu aset dalam masyarakat kita yang amat membantu orang biasa dan juga memupuk semangat solidariti di kalangan rakyat. Kerajaan kita harus menyedari bahawa tanggungjawab memelihara Sistem Perkhidmatan Kesihatan adalah antara amanah terpenting yang diberikan pada Kerajaan oleh rakyat. Malangnya, dalam isu perlaksanaan PBP Kerajaan kita telah bertindak secara kurang bertanggungjawab kerana tidak mengamalkan “due diligence” tetapi tergesa-gesa dalam melaksanakan suatu perubahan yang akan menjadikan kesihatan rakyat biasa.

# **Kementerian Pendidikan Harus Melindungi Pekerja Kontrak Di Sekolah**

**Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan**

Dasar Kerajaan untuk memupuk usahawan Bumiputra adalah antara sebab utama kontrak pembersihan sekolah-sekolah kerajaan diberikan kepada usahawan-usahawan Bumiputra. Pada takat ini 150,000 pekerja pembersihan sekolah berkhidmat di bawah pengurusan kontraktor swasta. Malangnya, sebahagaian daripada kontraktor pembersihan sekolah kurang bertanggungjawab terhadap pekerja mereka. Dan bila ini berlaku, keengganan pihak Kementerian Pendidikan (KPN) untuk melindung pekerja kontrak adalah amat jelas.

Dalam kes Time Medi Ent, 51 orang pekerja pembersihan terus berkerja di tujuh sekolah di Ipoh tanpa gaji antara Mei - Disember 2015, selepas kontraktor mereka, Meor Mohsin Onn bin Jaffar, mlarikan diri pada Mei 2015. Pekerja-pekerja berkerja atas nasihat PPD Kinta Utara yang berjanji gaji tertunggak akan dibayar. PIBG di beberapa sekolah juga menawarkan pinjaman RM300 se bulan pada pekerja ini.

Tetapi sampai sekarang, pekerja Time Medi belum menerima gaji Mei hingga Disember 2015. KPN menasihatkan pekerja kontrak menuntut gaji tertunggak daripada Jabatan Insolvensi (JI) kerana segala bayaran untuk kontrak pembersihan telah dibayar kepada JI kerana Pengarah Time Medi, Meor Mohsin telah jadi bankrap pada Julai 2015.

Meor Mohsin telah menghilangkan diri sejak 31/5/2015. Ini bererti dia sendiri memecah kontrak dengan KPN. Jadi bayaran untuk perkhidmatan pembersihan sekolah dari Jun 2015 hingga Disember

2015 tidak harus dibayar pada akaun Time Medi di Jl. Kerana bila dibayar pada JI, jumlah ini akan dibahagikan antara pemutang-pemutang yang lain dan pekerja pembersihan tidak akan dapat jumlah penuh gaji mereka.

Apakah sebabnya KPN begitu enggan membayar gaji tertunggak terus kepada pekerja pembersihan yang terlibat. Gaji mereka hanya RM 1000 se bulan dan mereka adalah di lapisan B40 yang kerajaan berhasrat membantu. Ini bukan bayaran kebijakan – mereka memang telah berkhidmat untuk tujuh bulan tanpa gaji!

KPN juga harus membayar tunggakan gaji minima Jan – Ogos 2013 berjumlah RM1,600 seorang, yang harus dibayar oleh Time Medi Ent dan selepas itu dituntut balik daripada KPN. Bayaran ini tidak dilaksanakan oleh Time Medi dan peruntukan ini masih di akaun KPN. Mengapa tunggakan ini tidak boleh dibayar terus kepada pekerja-pekerja yang terlibat?

Kami faham kerajaan berhasrat memupuk kapasiti usahawan Bumiputra. Tetapi apakah salahnya memastikan kepentingan pekerja daripada kaum B40 tidak diancam? Mengapa tidak menggubal dasar di mana jika kontraktor pembersihan sekolah tidak menuaikan bayaran gaji atau KWSP, kontraknya dihentikan serta merta dan KPN sendiri melakukan bayaran yang harus dibayar pada pekerja dan KWSP sebelum menawarkan kontrak itu kepada seorang kontraktor lain?

Janganlah mengorbankan kepentingan pekerja B40 kerana berhasrat memupuk usahawan Bumiputra!

## **Memperketatkan Pemberian Paten**

Pindaan Akta Perbadanan Harta Intelek. **24/10/2017**

Terima kasih Tuan Speaker memberi saya peluang membahas Pindaan Akta Perbadanan Harta Intelek. Pindaan ini mewujudkan ruang untuk Mylpo menujuhkan anak-anak syarikat supaya menjana pendapatan untuk mengurangkan beban finans kerajaan.

Undang-undang hak intelek telah jadi satu kebiasaan dalam dunia moden ini. Tetapi ini satu fenomena yang baru. Konsep “paten” dan hak cipta intelek baru dikenalkan 150 tahun sebelum ini – di pertengahan abad 19. Tetapi sebelum pengwujudan konsep hak cipta intelek pun innovasi telah berlaku dan benda dan proses baru dicipta oleh manusia. Jadi tidak benar bahawa kita memerlukan regim hak cipta intelek untuk memacu penyelidikan dan innovasi.

Walaupun undang-undang paten wujud di hampir semua negara pada takat ini, kriteria yang dipakai untuk memutuskan samada sesuatu ciptaan adalah cukup innovative untuk diberi paten dan monopolii selama 20 tahun jauh berbeda. Kriteria untuk beri paten adalah sangat longgar di Amerika Syarikat di mana hanya tukar ubat dari serbuk ke cecair boleh mendapatkan paten baru. Tetapi kriteria di India dan di Afrika Selatan untuk memutuskan samada ciptaan itu benar-benar satu innovasi adalah jauh lebih ketat.

Kerana ada persepsi di India dan di lain negara yang sedang membangun bahawa sistem undang-undang intelek adalah untuk mewujudkan monopolii supaya untung syarikat gergasi dapat

dilipatgandakan. Tetapi ini menyusahkan negara yang membangun. Kerana pada takat ini majoriti pemohon paten adalah syarikat besar daripada negara maju. Jika ta salah saya, lebih daripada 95% daripada pemohon paten di Malaysia adalah daripada syarikat asing. Saya harap Menteri boleh menjelaskan perkara ini.

Jadi adalah amat penting Mylpo memainan peranananya dengan berkesan untuk memastikan hanya produk yang mempunyai innovasi baru diberi paten. Kerana paten wujudkan monopoli dan rakyat kena bayar lebih untuk produk itu. Kos pada business lain juga akan meningkat.

Inilah sebabnya saya tidak setuju dengan cadangan kerajaan untuk membenarkan Mylpo menubuhkan anak-anak syarikat untuk menjana pendapatan untuk menjalankan tugas-tugasnya. Kerana jika anak-anak syarikat Mylpo berniaga dengan pemohon paten ini akan menimbulkan pertindihan kepentingan ataupun conflict of interest dan ada kemungkinan besar kebebasan Mylpo akan terjejas. Jadi saya fikir ini bukan satu ide yang bijak. Boleh dikatakan "*pound foolish penny wise*" dengan izin. Saya harap kerajaan boleh kaji balik keperluan melakukan pindaan ini.

Terima kasih.

## **Kelambatan dalam Pembedahan Bypass menjejaskan nyawa pesakit jantung.**

Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan

En Arumugam a/l Munusamy, KP 711106 -08-5067 adalah seorang pekerja kilang di Sg Siput U. Beliau telah mengidap serangan jantung pada 25/8/2017 dan telah dirawat dengan suntikan Streptokinase di Hospital Sg Siput. Setelah itu “coronary angiogram” telah dilakukan di Hospital Ipoh dan didapati bahawa kesumbatan saluran darah coronary beliau adalah teruk dan tidak dapat dirawati dengan “angioplasty” dan “stent”. Beliau memerlukan pembedahan by-pass untuk mengurangkan risiko serangan jantung kedua.

En Arumugam telah dirujuk ke Hospital Serdang untuk pembedahan by-pass, tetapi doctor di Unit kardio-thorasik telah mengatakan bahawa oleh kerana terlalu banyak pesakit, pembedahan itu hanya boleh dilakukan pada bulan Ogos tahun 2018. Bila En Arumugam merayu untuk tarikh yang lebih awal, doctor berkenaan memberi tarikh susulan pada bulan Disember 2017 untuk cuba menetapkan tarikh pembedahan pada bulan Februari tahun depan.

En Arumugam telah cuba balik bekerja di kilang, tetapi mengalami kesakitan dada dan kesesakan nafas dan telah dimasukkan ke Hospital Sg Siput. Beliau sekarang diberi cuti sakit selama satu bulan tetapi ini merupakan cuti tanpa gaji kerana peruntukan cuti sakit dengan gaji hanya 20 hari setiap tahun. Beliau ingin memohon bantuan Perkeso

tetapi ada kemungkinan besar permohonannya akan ditolak atas alasan beliau belum mencapai "MMI" atau pun maximum medical improvement. Beliau mempunyai 3 orang anak, yang sulong berumur 20 tahun. Mereka semua sedang belajar.

Mengapa perkara seperti ini dibenar berulang? Saya faham Unit Pembedahan Cardiothoracic di Hospital Serdang menghadapi beban kerja yang sangat berat. Tetapi mengapa tidak wujudkan satu mekanisma untuk menghantar pesakit seperti En Arumugam ke Institut Jantung Negara ataupun Universiti Hospital UM untuk pembedahan yang perlu dilakukan dengan segera? Kemudahan seperti ini harus ditawarkan pada pesakit yang memempunyai kemungkinan tinggi mengalami serangan jantung kedua jika tidak dibedah secepat mungkin.

Apakah caj yang dikenakan oleh IJN untuk setiap kes yang dirujuk oleh Hospital Kerajaan untuk pembedahan by-pass? Adakah ianya bergantung pada kesulitan kes yang dirujuk? Berapakah bilangan pesakit yang dirujuk oleh Hospital Kerajaan kepada Unit Cardiothorasic Hospital Serdang untuk pembedahan by-pass dalam tahun 2016? Berapakah antara mereka yang dibedah dalam tempoh masa 3 bulan daripada tarikh appoinmen pertama di Serdang? Berapakah antara mereka yang mengalami serangan jantung ataupun mati sebelum pembedahan dapat diaturkan?

Penangguhan pembedahan selama 10 bulan untuk seorang pesakit seperti En Arumugam tidak boleh diterima di sebuah negara yang beraspirasi mencapai taraf negara maju dalam 3 tahun lagi. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kelemahan ini?

## **Sistem Insurans Pekerja 25/11/2017**

Terima kasih Tuan Speaker atas peluang membahas Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerja. Saya diri untuk menyokong Skim SIP ini. Ia amat perlu untuk pekerja kita. Syabas kepada Kementerian Sumber Manusia yang telah kerja kuat untuk mewujudkan skim SIP dan juga pada Menteri Sumber Manusia atas komitmennya untuk membentangkan Akta ini di Parlimen.

Tetapi saya ingin mengguna peluang ini untuk mendedahkan limitations ataupun kekurangan skim SIP dan mengemukakan syor-syor untuk menambahbaikkan perlindungan SIP.

Limitation yang pertama adalah kuantum bantuan yang rendah. Ikon Jadual 3, skim ini akan bayar 80% gaji terakhir untuk bulan pertama, 50% untuk bulan kedua, 40% untuk bulan 3 dan 4, dan 30% untuk bulan 5 dan 6 pada ekerja yang dibuang kerja. Keseluruhananya adalah 270% ataupun 2.7 kali gaji bulanan dalam tempoh masa 6 bulan. Ini bukan satu jumlah yang besar.

Nasib baik, di Malaysia kita ada satu lagi skim pampasan untuk pekerja yang kehilangan kerja. Akta Pekerja memperuntukkan bahawa seorang pekerja dengan tempoh perkhidmatan selama 10 tahun akan dapat pampasan sebanyak 200 hari gaji sebagai pampasan kehilangan kerja – lebih kurang 7 bulan gaji. Malangnya, hampir 1/3 daripada pekerja yang

kehilangan kerja tidak dapat nikmati pampasan ini kerana syarikat mereka muflis. Syor saya adalah, selepas dana SIP telah jadi stabil, SIP harus diperluaskan untuk membayar 80% nilai pampasan yang tidak dibayar oleh majikan yang jadi muflis. Dan selepas itu SIP boleh teruskan tuntutan jumlah pampasan ini daripada liquidator yang mengendalikan syarikat itu seperti diperuntukkan di bawah 46(2)(j) Akta SIP.

Suatu lagi kekurangan skim ini adalah definasi kelayakan yang ketat untuk mendapat perlindungan skim SIP . Ikut Jadual 4, seorang pekerja mesti carum selama 24 bulan untuk memperolehi pampasan maxima bila dia tuntut untuk kali pertama. Jika dia dibuang kerja kali kedua, beliau perlu ada caruman selama 36 bulan untuk perolehi pampasan maxima. Dan jika beliau perlu menuntut bantuan kali ketiga dia memerlukan caruman selama 48 bulan. Jadual ini mesti dibaca bersama Section 32 (5) yang menyatakan *bilangan caruman yang telah diambil kira bagi maksud menentukan kelayakan caruman berkenaan dengan suatu tuntutan bagi faedah tidak boleh diambil kira untuk apa-apa tuntutan bagi faedah yang berikutnya.*

Ini merupakan “double jeopardy” YB Menteri. Jika kita mahukekalkan Jadual 4, section 32 (5) harus dimansuhkan. Jika 32 (5) dikekalkan, Jadual 4 harus hanya menyatakan kelayakan yang sama untuk tuntutan samada tuntutan pertama, kedua ataupun ketiga. Saya harap Menteri memaham poin yang saya sedang cuba sampaikan.

Limitation ketiga dalam Akta SIP ini adalah tafsiran “kehilangan pekerjaan” di seksyen 30. Seksyen 30 (1)(b) menyatakan bahawa seorang pekerja kontrak yang habiskan tempoh kontrak tidak boleh menuntut Elaun mencari kerja. Ini tidak adil YB Menteri. Di Malaysia kita ada 200,000 pekerja gaji rendah yang berkhidmat sebagai cleaner atau pegawai keselamatan di sekolah ataupun hospital kerajaan. Mereka menghadapi kemungkinan kehilangan kerja bila tamat kontrak tiap 3 tahun. Kerajaan harus memakai kaedah 30 (2) yang menjelaskan

perkara 30 (1) (a). Dalam kaedah yang sama Seksyen baru 30 (3) harus digubal untuk menyatakan pekerja kontrak di sekolah dan hospital adalah layak untuk memohon pada skim ini.

Seksyen 30 (1)(f) mengecualikan pekerja yang ditamatkan perkhidmatan kerana salah laku daripada perlindungan SIP. YB Menteri, kawan-kawan saya di Kesatuan Pekerja mengadu bahawa alasan “salah laku” merupakan alasan yang sering diguna oleh pihak majikan untuk buang pemimpin pekerja yang memperjuangkan hak pekerja. Jadi adalah penting untuk memberi penjelasan untuk subseksyen 30(1)(f) juga. Kaedah 30 (2) harus dipakai untuk tujuan ini.

Sekarang saya ingin mengalih ke suatu poin yang berlainan ia-itu seksyen 25 yang menyatakan pihak Perkeso boleh melantik ejen untuk memungut bayaran caruman. Mengapakah pihak ketiga diperlukan untuk mengutip caruman. Kerana hampir kesemua majikan dan pekerja yang akan diliputi oleh SIP telahpun didaftarkan dengan Perkeso pada takat ini. Mengapa data yang dipegang oleh Perkeso tidak boleh diubahsuai untuk melancarkan skim SIP ini. Perlantikan ejen pihak ketiga akan meningkatkan kos menadbirkan skim ini.

Apakah anggaran Kementerian terhadap jumlah yang akan dikutip dan dibelanja setiap tahun? Pada kiraan saya, 6 juta pekerja, dengan anggaran gaji bulanan purata sebanyak RM 2000 akan menjana dana sebanyak RM 576 juta setahun. Jika kita pakai anggaran 40,000 pekerja (dengan gaji purata RM 2000 sebulan) dibuang kerja dalam satu tahun, bayaran Elauns Mencari Pekerjaan adalah RM 216 juta setahun. Apakah anggaran kementerian bagi perbelanjaan untuk latihan kemahiran dan pengurusan skim?

YB Menteri, ada beberapa orang yang bimbang kutipan sebesar RM 600 juta setahun akan disalahguna. Mereka risau ketirisan mungkin akan berlaku melalui komisyen pada ejen dan bayaran pada institusi latihan kemahiran dan sebagainya. Saya harap Menteri oleh menjelaskan

langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan pengendalian skim ini adalah telus, bersih dan efisyen.

Pada keseluruhannya saya menyokong skim SIP ini. Ia adalah sesuatu yang amat perlu dan akan membantu pekerja yang kehilangan kerja. Akta SIP dalam bentuk seperti dibentang adalah satu permulaan yang baik. Saya harap Menteri akan balik ke Dewan ini dalam jangka masa satu atau dua tahun untuk membentangkan syor-syor yang saya telah mengemukakan terhadap syarikat yang muflis dan syarat kelayakan supaya dapat memperluaskan perlindungan pada para pekerja.

Terima kasih.

## **Insekuriti Rakyat Terhadap Masa Depan Tidak Ditangani oleh Bajet 2018**

Perbahasan Bajet 2018 1/11/2017

Terima kasih Dato Speaker untuk peluang ini untuk berbahas Belanjawan 2018

Perdana Menteri telah mengatakan bahawa inilah Bajet yang terbaik dalam sejarah Malaysia kerana ianya komprehensif serta mengambil kira kepentingan semua lapisan masyarakat Malaysia.

Saya telah meneliti Bajet 2018, dan setuju ada hadiah-hadiah, handouts untuk pelbagai sector

- 170,000 pesawahan padi akan menerima RM 200 sebulan selama 3 bulan:
- Unit Amanah Saham PNB bernilai RM200 akan dianugerakan pada tiap anak yang dilahir di Malaysia. (500,000 kelahiran setahun)
- Voucher RM 250 membeli buku akan diberi pada 1.2 juta murid IPT dan Tingkatan 6

- Bantuan pendidikan sebanyak RM 100 utk 3.2 juta murid sekolah
- BRIM akan diberi pada 7 juta orang dengan anggaran kosnya hampir RM 7 bilion
- Bonus sebanyak RM 1500 akan diberi pada beberapa kumpulan
  - o 9800 Ketua Kg dan Tok Batin
  - o 65,000 Imam, Bilal, Guru KAFA, guru takmir
  - o 1.2 juta kakitangan kerajaan

Tetapi soalannya adalah, adakah pemberian handouts seperti ini menjadikan Malaysia sebuah masyarakat yang inclusive?

Pada pandangan saya walaupun negara bertambah kaya dari segi GDPnya, walaupun pendapatan per kapita telah meningkat ke RM 40,713 tahun ini, tahap financial security (keyakinan finans diri) untuk 80% daripada rakyat kita terus berkurang. Tahap insecuriti (ketidakkeyakinan) telah bertambah. People are financially insecure. Negara kaya, tetapi rakyat terasa khuatir terhadap masa depan.

Kenapa?

Saya rasa ada 2 sebab utama

- Tiada simpanan yang mencukupi untuk masa depan
- Kos keperluan asas terus melambung tinggi

#### ***Sebab Pertama: Tiada simpanan yang mencukupi untuk masa depan.***

Simpanan KWSP merupakan simpanan utama untuk pekerja di sector swasta dan mempunyai 6.5 juta pencarum. Ikut statistic KWSP sendiri, 80% pada pencarum KWSP yang berumur 54 tahun mempunyai simpanan KWSP yang kurang pada RM150,000. Ikut anggaran KWSP sendiri, 80% ini menghadapi masa depan yang tidak terjamin. Simpanan mereka akan habis sebelum mereka capai umur 70 tahun. Selepas itu mereka terpaksa bergantung pada anak – dan untuk ramai antara mereka anak pun miskin dan memikul beban finans yang tinggi. Inilah punca ketidakkeyakinan terhadap masa depan.

Bukan saja pekerja bergaji yang menghadapi masalah tiada simpanan yang mencukupi

- 1.5 juta pekebun kecil, pesawah, nelayan menghadapi masalah ketiadaan simpanan yang lebih teruk lagi. Mereka tiada simpanan KWSP pun. Majoriti daripada kumpulan ini yang berpendapatan rendah, tiada simpanan untuk masa depan.
- 1.5 juta perniaga kecil – gerai, pasar malam dan sebagainya dalam situasi yang sama. Tiada KWSP, Tiada simpanan, tiada keyakinan. Timbulnya kerisauan terhadap masa depan.

Inilah fakta pertama yang sebabkan ketidak keyakinan ataupun financial insecurity terhadap masa depan – tiada simpanan yang mencukupi

Fakta kedua yang wujudkan insekuriti di kalangan rakyat kita adalah ***kos keperluan asas – kesihatan, perumahan dan pendidikan - yang terus melambung tinggi***

- Ambil kes Kos Perubatan

Ramai rakyat Malaysia sedang hilang keyakinan mereka terhadap Hospita Kerajaan kerana

- o kelambatan dapat rawatan
- o ramai doktor muda tanpa pengalaman dan kekurangan doctor pakar untuk membimbing
- o Sekatan badget
- o Kitaran semula alat-alat.

- Oleh itu ramai yang pergi ke Hospital Swasta. Pada takat ini hampir satu pertiga daripada kemasukan ke hospital adalah ke Hospital Swasta. Tetapi kosnya tinggi

- Pembedahan bypass – RM 60,000
- Bagi rawatan kanser RM 500,000 pun mungkin ta mencukupi

Jadi berapakah amaun yang mencukupi untuk memastikan sebuah keluarga boleh memperolehi rawatan yang berkualiti tinggi untuk

semua ahli keluarga sepanjang umur? Supaya mereka tidak bersusahpayra pada masa depan. Adakah simpanan sebanyak 1 juta mencukupi untuk keperluan rawatan? 5 juta?

Kerisauan berkaitan dengan kos perubatan adalah penyumbang besar pada perasaan financial insecurity yang dialami oleh majoriti rakyat kita termasuk keluarga dalam T30 (30% terkaya di Malaysia).

Punca masalah kos perubatan yang tinggi adalah dasar neoliberal iaitu kepercayaan perkhidmatan asas harus dibekalkan oleh sector swasta atas prinsip perniagaan. Pendekatan ini telah menggalakkan perkembangan sector perubatan swasta dan ini yang memacu penghijrahan doctor pakar dari sector kerajaan ke sector swasta.

Sebuah kerajaan yang prihatin pada rakyat akan ambil langkah untuk memperkuuhkan sistem perubatan awam. Kami telah saran perkembangan hospital swasta dibekukan. Kami tidak minta hospital swasta yang ada ditutup. Tetapi jangan bagi dia berkembang kerana itu akan menarik keluar lebih ramai pakar daripada sektor awam.

Pembekuan ini akan buka ruang untuk hospital kerajaan menambahkan bilangan pakar yang berpengalaman dan membaiki nisbah doctor pakar di staff mereka. Ini akan menambahkan keyakinan rakyat terhadap Hospital. Kerajaan dan rakyat tidak perlu menyimpan wang untuk rawatan pada masa depan.

Ini akan mengurangkan tahap insekuriti di kalangan rakyat

Tetapi dalam bajet ini apa yang kita memerhati adalah yang bertentangan. Peruntukan telah disediakan untuk menggalakkan Pelancongan Kesihatan. Nampaknya kerajaan ta ambil berat ramalan bahawa perkembangan sktor perubatan swasta menyebabkan financial insecurity di kalangan rakyat.

Bila rakyat terasa insecure – tidak yakin, mana boleh mereka menghulurkan tangan untuk membantu orang lain? Mana ada masa untuk membina masyarakat penyayang? Financial insecurity menjadikan kita selfish. Kita terpaksa menjaga kepentingan diri sendiri dulu. Kita terpaksa mengumpul lebih duit, kerana tidak yakin terhadap masa depan.

Jadi tidak berguna untuk hanya mengatakan Malaysia adalah sebuah masyarakat yang inclusive, Masyarakat penyayang dan sebagainya. Kita kena wujudkan mekasime yang boleh memupuk solidariti di antara rakyat.

Saya ingin sentuh isu Pendidikan. Apakah matlamat kita dalam mendidikkan generasi muda ke peringkat university? Pada saya, tujuan utama adalah supaya mereka dapat perolehi kemahiran untuk berkhidmat pada rakyat kita. Bila saya belajar perubatan di Universiti Malaya, saya diberi subsidi yang besar. Walaupun saya tidak diberi biasiswa, saya sedar bahawa yuran saya hanya menampung 10% daripada kos pendidikan saya. Oleh itu saya sedia pergi berkhidmat di Sarawak selepas dapat ijazah kerana saya ingin berbalas pada masyarakat yang telah memberi pendidikan pada saya.

Tetapi sekarang, kita mengkehendaki pelajar kedoktoran bayar RM 300,000 hingga ke RM 1 juta untuk menjadi seorang doctor. Lepas itu kita memaki mereka bila mereka enggan kerja di kawasan luar bandar. Kita gelar mereka sebagai orang yang selfish, yang mementingkan diri sendiri sahaja. Tetapi adakah ini adil? Kita memperniagakan pendidikan tertiary, kita memaksa mereka ambil pinjaman yang tinggi untuk belajar di Universiti, dan selepas itu kritikkan mereka yang mahu kerja di bandar besar supaya dapat kerja lebih masa dan kumpulkan duit untuk membayar balik hutang mereka.

Saya ingin alih ke masalah harga rumah yang melambung tinggi. Punca masalah ini adalah pendekatan neoliberal yang mengatakan

- Adalah lebih efisyen untuk pembekalan rumah diambil alih oleh sector swasta;
- Adalah baik untuk ekonomi negara untuk membenarkan pemodal dari luar negara untuk membeli rumah dan tanah di Malaysia.

Pendekatan ini telah membuka ruang untuk spekulasi dalam tanah dan rumah. Inilah sebabnya harga rumah telah melambung tinggi.

Masalah ini tidak dikendalikan dalam Bajet 2018. Perdana Menteri telah kata RM 2.2 bilion telah diperuntukkan untuk bina rumah mampu milik.

RM 1.5 bilion daripada RM 2.2 bilion ini adalah untuk PRIMA. PRIMA akan bina rumah yang berharga RM200,000 ke atas. Adakah ini rumah yang mampu dimiliki?

Bukan di Sg Siput Yg Dipertua. Lebih daripada 60% daripada keluarga Sg Siput memperolehi pendapatan di bawah RM 2000 sebulan sekeluarga. Mereka memerlukan rumah berharga RM50,000 ke bawah.

Caranya mengawal masalah kos rumah yang melambung tinggi adalah untuk

- Tubuhkan Lembaga yang bukan untuk untung (non profit) untuk membina dan menjual rumah pada rakyat kita
- Wujudkan polisi di mana tiap keluarga dapat membeli rumah pertama mereka daripada Lembaga ini dengan harga pembinaan sahja
  - Polisi yang memastikan tanah kerajaan dipakai untuk tujuan ini tanpa cuba mengautkan untung bagi syarikat GLC yang dihadiahkan tanah tersebut supaya menjual pada pemaju.
  - Polisi di mana database yang senaraikan semua pembeli rumah daripada Lembaga Perumahan ini supaya semua keluarga hanya membeli satu rumah daripada lembaga dengan harga terkawal.
  - Polisi di mana jika keluarga itu mahu beli rumah daripada Lembaga di kawasan lain, boleh. Tetapi kena menjual balik rumah

pertama itu dengan harga yang dibeli sahja. Mungkin boleh campur kadar inflasi.

Melalui polisi ini kita boleh mengeluarkan impak spekulasi daripada pasaran rumah di Malaysia dan harga rumah pertama untuk rakyat dapat dikawal.

Tetapi kita kena mencabar pendekatan neoliberal yang menyatakan semua perkhidmatan harus dibekalkan oleh sector swasta atas prinsip perniagaan. Kita kena cabar kepercayaan neoliberal yang mengatakan system pasaran swasta adalah jauh lebih efisyen dalam pembekalan rumah untuk rakyat.

Jika kita benar-benar ingin membina sebuah masyarakat yang inclusive, kita perlu mencabar pendekatan neoliberal yang memperniagakan segala-galanya. Tetapi saya tidak nampak kesedaran ini dalam Bajet 2018.

Pagi tadi Yang Berhormat Tambun telah mempertahankan cukai GST dengan berhujah bahawa cukai ini sedang diamalkan di 170 buah rumah. Hujahnya adalah 170 negara tidak boleh dikatakan salah.

Tuan Speaker, Ideologi neoliberal telah menular ke seluruh dunia dan meracuni pemikiran beribu-ribu pemimpin politik dan perancang ekonomi. Dan ia telah membawa penswastaan perkhidmatan awam, pengecutan jaringan kebajikan, mengurangkan gaji dan menjelaskan sekuriti pekerjaan.

Inilah sebabnya rakyat biasa di beberapa negara telah dan sedang memberontak. Yang terakhir adalah Brexit di mana rakyat Britain menolak arah tuju ekonomi negara mereka. Sebelum itu adalah pilihan Trump sebagai Presiden Amerik Syarikat. Ramai orang dinegara-negara itu menolak status quo yang mengutamakan kepentingan lapisan yang

terkaya sambil meminggirkan rakyat biasa. Sentimen yang sama juga wujud di pemberontakan “Arab Spring” di Timur Tengah sebelum ini.

Rakyat biasa di seluruh dunia menunjukkan perasaan tidak puas dengan polisi-polisi yang menekan mereka tetapi memberi keistimewaan pada lapisan 1% terkaya.

Cabarannya yang kita hadapi pada zaman ini adalah bagaimana kita dapat menyekat kerakusan 1% yang terkaya. Bagaimana kita dapat mengawal tipu helah mereka untuk mengelak daripada membayar cukai. Apakah caranya megimbangkan pengagihankekayaan dunia supaya sebahagian daripada kekayaan ini boleh diguna untuk membina satu masyarakat yang penyayang yang adil untuk semua?

Inilah cabaran yang dihadapai oleh kita sekarang. Kerana tidak begitu senang untuk menaikkan cukai terhadap 1% terkaya. Kerana ada kemungkinan 1% ini akan memulaukan sebuah negara yang buat begitu – mereka boleh mensabotaj ekonomi kita. Jadi kita kena menubuhkan satu sepakatan di perengkat ASEAN dan di kalangan G77 supaya kita bersama dapat mengawal 1% yang terkaya dan mencapai pengagihan kekayaan dunia yang lebih adil.

Tetapi nampaknya, langsung tiada kesedaran di kalangan kerajaan terhadap isu-isu ini. Bajet ini tidak cuba mengubahsuai polisi macro yang mewujudkan financial sekuriti tetapi hanya memberi beberapa handout. Dan digelar bajet terbaik di sejarah Malaysia!

Bajet ini menunjukkan kebankrapan fikiran BN dalam kendalikan masalah-masalah utama yang dihadapi rakyat.

Jeyakumar Devaraj

1/11/2017

## ***“Tracking Refugees Information System”(TRIS)***

Usul Berkanaan Perkara Tadbir Kerajaan

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang melaksanakan satu skim baru untuk memantau dan mengesan pelarian iaitu "*Tracking Refugees Information System*" (TRIS). Di bawah skim ini, pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dikehendaki mendaftarkan diri dan, selepas pengesahan KDN, akan diberi kad identiti khas "MyRC" yang sah untuk satu tahun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri telah mengatakan matlamat skim baru ini adalah untuk mengumpul data peribadi dan biometrik orang-orang pelarian demi keselamatan negara dan untuk memantau jenayah rentas sempadan, pemedagangan manusia dan keganasan terhadap orang-orang pelarian.

Kami difahamkan bahawa dalam tempoh masa 21 Julai hingga 30 September 2017, skim TRIS telah dilaksanakan oleh Barisan Mahamega Sdn. Bhd dan lebih daripada 2,000 orang pelarian telahpun didaftarkan. Adakah Kad “MyRC” dibekalkan kepada kesemua 2000 orang pelarian yang telah mendaftarkan diri dibawah TRIS?

Adakah kesemua 150,000 orang pelarian dan pemohon suaka di Malaysia yang memegang kad UNHCR dikehendaki mendaftarkan diri di bawah skim TRIS? Apakah tempoh masa yang akan diberi pada mereka untuk proses pendaftaran? Apakah tempoh masa antara pendaftaran dan memperolehi kad “MyRC”? Adakah orang pelarian terdedah pada risiko tangkapan sehingga mereka diberi kad “MyRC”?

Adakah kemungkinannya se bilangan orang-orang pelarian yang memegang kad UNHCR akan dinafikan Kad “MyRC”? Jika “ya”, atas kriteria apa? Adalah amat diharapkan skim TRIS tidak akan mendedahkan mana-mana orang pelarian pada risiko *refoulement* (dihantar balik secara paksa ke negara dari mana beliau melarikan diri).

Apakah caj yang akan dikenakan terhadap mereka yang datang untuk mendaftar? Adakah kerajaan bercadang untuk menyumberluarkan proses pendaftaran TRIS bagi 150,000 orang pelarian kepada Barisan Mahamega Sdn Bhd atau syarikat swasta yang lain? Kos melaksanakan skim TRIS boleh dikurangkan dikendalikan oleh Jabatan Imigresen sendiri kerana Jabatan ini mempunyai pejabat di seluruh negara kita.

Adakah kerajaan bercadang menawarkan Permit Kerja pada pemegang Kad “MyRC” seperti untuk pemegang IMM13 sebelum ini? Peluang untuk bekerja secara sah akan memberi perlindungan pada orang-orang pelarian daripada exploitasi oleh pihak majikan dan pihak penguatkuasa dan merupakan satu kemudahan yang amat diharapkan oleh golongan orang pelarian. Apakah kemudahan lain yang akan ditawarkan pada pemegang Kad “MyRC”.

Fasa POC (Proof of Concept) dari 21 Julai hingga 30 September 2017 dicemari dengan maklumat yang bercanggah dan menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat pelarian. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan ketelusan, komunikasi berkesan dan SOP yang jelas dalam perlaksanaan skim TRIS? Adalah diharapkan

pihak KDN akan berkerjasama dengan UNHCR, masyarakat sivil, dan masyarakat pelarian dalam pelaksanaan skim TRIS.

(394)

## **Perbahasan Terhadap Kementerian Pertanian dan Asas Tani. 15/11/2017**

Terima kasih Dato Pengurus. Saya ingin membawa 4 perkara.

Yang pertama adalah Butiran 040500 ia-itu Subsidi Baja Padi yang ditingkatkan daripada RM 300 juta tahun ini ke RM 465 juta untuk tahun 2018. Saya telah menerima aduan daripada beberapa orang pesawah bahawa baja yang dibekalkan secara ;ercuma pada mereka tidak dapat diguna di sawah mereka. Mereka terpaksa membeli baja yang lain.

Adakah kementerian sedar akan masalah ini? Berapa ramaikah pesawah yang tidak dapat mengguna baja yang dibekalkan? Adakah Kementerian melakukan siasatan untuk mengenalpasti punca masalah ini? Adakah

baja yang dibekal berkualiti rendah? Ataupun adakah punca masalah status tanah?

Adakah pemakaian voucher cara yang lebih sesuai untuk mengendalikan masalah ini? Jika semua pesawahan diberi voucher berasaskan saiz tanah mereka, mereka boleh membeli baja yang mereka memerlukan. Jika itu ini tidak dikendalikan dengan baik, peruntukan beratusan juta terus dibazir!

Poin dua saya Pembangunan Komoditi Ternakan, Butiran 020300. Adakah sebahagian daripada RM19.3 juta yang diperuntukkan akan dipakai untuk mengendalikan masalah yang dihadapi oleh ramai penternak lembu dan kambing di persekitaran bandar-bandar kita? Perkembangan bandar-bandar kita sedang menyebabkan pengusiran penternak. Ramai penternak kita mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam menternak. Kehilangan kemahiran ini amat merugikan masyarakat kita.

Adakah Kementerian ambil berat terhadap masalah ini dan mencari jalan untuk mengatasinya? Satu cara adalah untuk memakai Akta Pengambilan Tanah dan mengambil tanah perladangan untuk wujudkan padang-padang ragut yang boleh dipakai oleh penternak kita yang menghadapi pengusiran.

Perkara yang seterusnya adalah berkaitan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA). Berapakah bilangan petani yang terlibat dalam 8 kawasan skim bersepadu yang diwujudkan? Adakah mereka petani yang memang berada di kawasan itu sebelum skim ini ataupun adakah mereka petani komersial besar? Apakah keberkesanan Projek IADA dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan dalam membekalkan keperluan barang-barang makanan? Adakah tahap sara diri kita dapat ditingkatkan oleh skim-skim ini?

Akhir sekali saya ingin sentuh Butiran 030 000 – Pembangunan Dasar. Saya ingin tanya samada Kementerian pernah kaji kaedah mewujudkan skim perlindungan sosial bagi petani kecil. Pada takat ini petani dan pekebun kecil tiada sebarang perlindungan social. Tiada KWSP. Tiada Perkeso. Saya ingin megesyorkan kerajaan melancarkan satu skim untuk membayar caruman Perkeso untuk 170,000 pesawah padi di Malaysia. Mereka sedang menjalani satu perkhidmatan yang begitu penting untuk kita semua – membekalkan beras untuk kita semua.

Jika pendapatan mereka dianggap RM 1500 sebulan seorang pesawah, kerajaan kena bayar 1.25% iaitu RM 18.75 seorang pesawah. Jumlahnya untuk 170,000 pesawah untuk satu tahun adalah RM38.25 juta. Ini bukan satu amaun yang terlalu besar, tetapi ianya akan wujudkan sedikit perlindungan untuk golongan ini – jika mereka terlibat dalam kemalangan mereka akan menerima pampasan. Jika mereka jatuh sakit dan tidak dapat kerja, Perkeso akan membayar Pensen Ilat. Jika mereka meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun, Perkeso akan membayar pensen pada isteri mereka. Ini akan wujudkan sedikit sekuriti untuk golongan miskin ini.

Saya harap Kerajaan akan mempertimbangkan idea ini. Terima kasih.

## **Tenaga Boleh Diperbaharui**

**Perbahasan Terhadap Kementerian Tenaga, Tek Hijau dan Air.**

21/11/2017

Terima kasih Dato Pengerusi Majlis.

Poin pertama saya adalah Butiran 030500 B29, ia-itu peruntukan sebanyak RM 140 juta untuk **Subsidi Bil Elektrik**. Ini rupakan 60% daripada jumlah bajet mengurus bagi tahun 2018. Harap Menteri boleh menjelaskan bagaimana subsidi ini akan dipakai.

Saya ingin mengaitkan isu subsidi ini dengan satu item akhbar dalam Starbiz 27/10/2017 di mana dilaporkan bahawa “TNB announces record dividend payout of RM 3.5 billion.” Jika kerajaan ingin mengurangkan beban pada pengguna domestik mengapa tidak pakai kaedah meminta TNB mengurangkan kadar caj terhadap pengguna domestic yang hanya pakai sedikit?

Poin seterusnya adalah ***Pengurusan Tenaga*** – B 010100. Adakah Kementerian sedang mengkaji penjanaan kuasa elektrik dengan pakai kuasa angina – wind power melalui windmill? Adakah kawasan-kawasan di Malaysia yang sesuai untuk kaedah penjanaan ini? Mungkin di tepi pantai, Pantai Timur? Ataupun di Sabah?

Dan bagaimana dengan kaedah “***Solar Thermal***”? Ini berbedza daripada Solar Photovoltaic. Dalam kaedah Solar Thermal, cahaya matahari dipakai untuk memanaskan tanki yang mengandungi garam, sodium chloride, dan selepas itu kepanasan garam itu diguna untuk menjana stim untuk gerakkan jenerator elektrik. Kelebihan kaedah ini adalah tenaga matahari boleh disimpan sebagai kepanasan garam untuk dipakai pada waktu malam. Manakala panel solar photovoltaic hanya dapat menjana kuasa elektrik bila ditimpah cahaya matahari.

Saya difahamkan bahawa kaedah solar thermal sedang dipakai di skala komersial di beberapa kawasan di Negara Espanyol dan di Amerika Syarikat.

Poin akhir saya adalah di bawah P29, Butiran 00100 di mana hanya RM 33 juta diperuntukkan untuk bangunkan ***Tenaga Diperbaharui***. Begitu rendah. Tuan Pengurus, kita telah mengimpor 24.7 tan arang batu pada tahun lalu, 2016, untuk penjanaan elektrik. Dan kita semua tahu bakaran arang batu amat mencemari alam sekitar.

Kerajaan mesti bersikap lebih serius. Kerajaan harus memperuntukkan satu dana yang lebih besar untuk memperkembangkan kaedah-kaedah

menjana elektrik yang tidak mencemri dunia kita. Kita tidak boleh hanya harapkan skim feed-in-tarif untuk memperkembangkan kaedah-kaedah penjanaan tenaga daripada sumber yang boleh dibahru.

Terima kasih.

## **Jawapan Datuk Seri Panglima Dr Maximus Ongkili**

*Beberapa YB telah berucap mengenai tenaga yang boleh diperbaharui (TBB) dan ada yang mengatakan sumbangan TBB hanya 1.6% sahja. Setakat ini, generation mix kita adalah, 44% daripada kapasiti 29,333 megawatt adalah daripada gas dan 32.5% daripada arang batu. Lebihannya, sebanyak 22.5% adalah daripada sumber renewable.*

*18% daripada penjanaan kita adalah daripada Hydro, yang telahpun dalam definisi baru yang diterimakan oleh World International Energy Agency dan Menteri-Menteri Tenaga ASEAN, dianggap sebagai Tenaga yang boleh diperbaharui.*

## **Sistem Kontrak Mengorbankan Kepentingan Pekerja. 23/11/2017**

Terima kasih Dato Pengurus atas peluang berbahas Bajet Kementerian Sumber Manusia. Saya hanya ingin membangkitkan satu isu sahja petang ini – di bawah Butiran 050100 Dasar Sumber Manusia.

Saya harap Kementerian Sumber Manusia akan memakai sebahagian daripada peruntukan ini untuk mengkaji kaedah pekerja kontrak yang diamalkan secara luas di negara kita. Bila bekalan tenaga kerja disumberluarkan kepentingan pekerja dijejas-

1. Satu, pekerja hilang sekuriti pekerjaan. Tiap 3 tahun majikan mereka kena bersaing dengan syarikat lain untuk membahruai kontrak. Tiap 3 tahun ada kemungkinan majikan mereka akan hilang kontrak itu, dan semua pekerja kehilangan kerja.
2. Yang kedua, satu lagi kesan system kontrak adalah gaji pekerja tetap di perengkat terbawah. Kerana majikan terpaksa bersaing dengan kontraktor yang lain setiap 3 tahun untuk mendapatkan kontrak lanjut. Jika majikan memberi gaji yang lebih tinggi sudah tentu tawarannya tidak dapat bersaing dengan tawaran kontraktor lain. Oleh itu gaji disimpan di paras terrendah yang diizinkan oleh kerajaan.
3. Sistem kontrak juga bermakna, tempoh servis pekerja tetap di bawah 3 tahun. Kerana setiap kali kontrak diperbahruui, pekerja masuk kontrak kerja baru dengan majikan walaupun majikan yang sama, tempat kerja yang sama. Ini bererti jikalau berlaku pemberhentian kerja, retrenchment, pekerja hanya layak memohon pampasan untuk tempoh 3 tahun ke bawah.

Saya tahu, pihak Bank Dunia dan IMF, mempromosi amalan penyumberluaran bekalan sumber manusia dan memberikannya nama yang canggih – “Labour flexibility” dan sebagainya. Tetapi sistem ini merupakan pemangsaan pekerja dan nama sebenarnya adalah exploitasi pekerja oleh para kapitalis.

Saya ingin pohon se bahagian daripada peruntukan di bawah butiran 050100 (Dasar Sumber Manusia) dan 050200 (Dasar Perburuhan) dipakai untuk kajibalki pendekatan kita terhadap sistem kontrak. Saya yakin pihak kesatuan pekerja sedia ambil bahagian dalam sebarang perbincangan berkaitan isu ini. Parti saya PSM juga berminat menyertai perbincangan terhadap isu ini.

Adalah harapan kami bahawa selepas kajian mendalam, kerajaan akan mengambil keputusan untuk menyekat kaedah kontrak kepada hanya untuk kerja yang bersifat bermusim. Hanya kerja-kerja yang hanya berlangsung untuk beberapa bulan setahun boleh disumberluarkan. Kaedah kontrak harus diharamkan bagi kerja-kerja yang berterusan sepanjang tahun.

Dalam perkara ini kerajaan kita mesti tunjuk contoh yang baik dengan menghentikan sistem kontrak yang dipakai untuk kerja pembersihan sekolah dan hospital dan juga untuk perkhidmatan sekuriti di institusi-institusi kerajaan kerana ada banyak kes penipuan di mana gaji tidak dibayar dengan betul dan caruman KWSP tidak dilakukan. Pekerja – pekerja ini harus diambil sebagai kakitangan kerajaan dan diberi semua perlindungan yang dinikmati oleh kakitangan awam.

Terima kasih.

## **Perketatan Hak Cipta Intelek akan Menjejaskan Kesihatan Rakyat**

**Pencelaan dalam Perbahasan Bajet Kesihatan. 22.11.2017**

Berkaitan dengan kos ubat-ubat di mana pesakit di Hospital Umum kadang-kadang tidak dapat ubat seperti ditulis oleh doctor, saya mahu tahu adakah Kementerian Kesihatan ambil serius terhadap rundingan Perjanjian Perdagangan Antarabangsa yang sedang berlaku. TPPA sudah timbul balik dan perundingan RCEP juga sedang berlangsung. Dalam kedua-dua perjanjian ini, ada pihak daripada negara maju yang

berhasrat meperketatkan Hak Cipta Intellek di mana kaedah “evergreening” diberikan. Ertinya dapat paten kedua terhadap ubat sama atas alasan “second use”, iaitu ubat itu boleh diguna untuk merawat suatu penyakit lagi. Dengan itu, tempoh monopoli dilanjutkan 20 tahun lagi. Kaedah data eksklusiviti juga dipakai untuk melambatkan kemasukan ubat generic dan memanjangkan tempoh monopoli. Ini akan meningkatkan kos yang kerajaan kena bayar untuk ubat.

Saya khuatir MITI yang diwakili oleh peguam dan pakar ekonomis tidak cukup peka terhadap isu pemanjangan paten yang boleh melipatgandakan kos ubat-ubat kritikal. Kementerian Kesihatan harus memainkan peranan advocate bagi pihak pesakit di Malaysia. Saya harap Kementerian akan ambil serius semua perundingan berkaitan perjanjian perdagangan. Jika terlepas, ada kemungkinan pihak kita akan menandatangani satu perjanjian yang mewujudkan tempoh paten yang lebih panjang lagi. Dan oleh kerana ini dimeterai dalam perjanjian kita terperangkap dalam situasi itu.

## **Jawapan Datuk Seri Subramaniam (Menteri Kesihatan)**

*Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sg Siput, semasa TPPA dirunding, ada wakil daripada Kementerian Kesihatan yang menjadi sebahagian daripada pasukan MITI untuk lihat isu pemanjangan tempoh paten ubat, pengwujudan kaedah “data exclusivity” dan juga rawatan “biologics”. Kementerian Kesihatan mempunyai satu pendirian yang tegas dan kami berjaya membawa beberapa perubahan daripada teks asal. Perkara yang dicadangkan oleh Malaysia telah mendapat sokongan daripada beberapa negara yang juga merupakan consumer ubat-ubat dan bukan penciptanya.*

*Dalam TPPA baru yang mungkin akan dibincang, pendirian kami adalah sama. Kami tidak akan setuju untuk accesss kita terhadap ubat generic disekat atau dilambatkan.*

**Pakailah Persetujuan Perdagangan untuk  
Memajukan Kepentingan Rakyat Biasa.  
28.11.2017**

Terima kasih Tan Sri Pengurus atas peluang ini untuk membahas Bajet Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya hanya ingin focus satu isu di bawah butiran 020400 iaitu Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala, dan 050100 iaitu Perancangan Strategik.

Bila kita memerhati perundingan perdagangan antarabangsa kita boleh lihat bahawa hanya sebahagian kecil dalam perjanjian itu adalah berkaitan langsung dengan perdagangan barang atau pun perkhidmatan. 75% daripada perjanjian adalah terhadap perkara yang berkaitan dengan kepentingan pihak yang 0.01% terkaya di dunia umpamanya larangan terhadap sekatan bagi gerakan modal (capital control), ISDS ataupun hak untuk mendakwa kerajaan di tribunal antarabangsa dan by-pass (mengelak) sistem kehakiman negara kita, dan usaha memperketatkan lagi undang-undang hak cipta intelek. Pihak terkaya di dunia memakai dahaga negara kita untuk kembangkan perdagangan antarabangsa untuk memajukan agenda pihak terkaya.

Bolehkah kita pakai kaedah yang sama untuk tujuan yang bertentangan – untuk memajukan kepentingan kerajaan dan rakyat? Kita pakai minat negara-negara atas perdagangan untuk majukan kepentingan rakyat. Ambil isu cukai korporat – di wilayah ASEAN, kita sedang berlumba-lumba mengurangkan kadar cukai kita dalam persaingan untuk FDI – pelaburan daripada luar negeri. Kadar cukai korporat kita sudah turun ke 25%. Dan kerajaan sedang brcadang untuk menurunkan cukai korporat lagi. Kerana Singapura duduk di tahap 19% sahja. Dan Thailand di tahap 20%.

Bolehkah kita ubahsuai Perjanjian Perdagangan ASEAN dengan masukkan satu klausa baru yang kenakan penalti terhadap mana-mana negara ASEAN yang menurunkan cukai korporat lagi – semua negara lain di ASEAN mengenakan tarif 5% terhadap semua ekspot daripada negara itu.

Kita boleh memperluaskan ide ini lagi. Kita boleh membawa klausa kedua di mana semua negara di ASEAN dikenakan meningkatkan cukai korporat 1% setiap tahun untuk 5 tahun yang akan datang. Tariff 3% akan dikenakan terhadap mana-mana negara ASEAN yang tidak mematuhi klausa ini dan secara kumulatif. 3% tahun ini dan 3% lagi

tahun depan jika negara itu tidak akur pada klausula meningkatkan kadar cukai korporat 1% setiap tahun.

Pada takat ini persaingan antara negara ASEAN telah mencetuskan satu perlumba ke perengkat bawah – a race to the bottom. Bila pendapatan daripada cukai korporat dikurangkan, kerajaan terpaksa mencari sumber pendapatan lain umpamanya cukai terhadap consumption – GST.

Ide memakai hasrat negara ASEAN untuk berdagang satu sama lain boleh juga dipakai untuk meningkat gaji minima. Pada takat ini, jika hanya Malaysia meningkatkan gaji minima kita, ada kemungkinan pelabur akan berpindah ke negara lain di wilayah ASEAN. Tetapi jika semua negara di ASEAN buat begitu serentak, kesan negative itu (penghijaranan pelabur) tidak akan berlaku. Bolehkah kita masukkan klausula penalty tariff terhadap mana-mana negara dalam perjanjian ASEAN sekiranya mereka tidak meningkatkan gaji minima mereka 10% setiap tahun untuk 5 tahun yang akan datang?

Ini bukan sahaja akan membantu B40 dalam semua negara ASEAN tetapi juga akan membantu pengkilang dan kaum perdagang. Pendalaman pasaran di wilayah ASEAN akan membuka ruang untuk busines dan juga wujudkan peluang untuk pelaburan dan kerja.

Saya tahu ini semua mungkin berbunyi ganjil sedikit. Kerana sehingga sekarang World Bank dan IMF sedang menyokong corak ekonomi yang mesra pada billionaire. Apa salahnya kita memakai kaedah yang sama dan memasukkan klausula-klausula yang pro rakyat dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa? Saya harap MITI boleh mengkaji ide ini dan berbincangnya dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Terima kasih.

## **Jawapan Dato Sri Mustapa Mohamed (dalam pergulungan)**

*Yang Berhormat Sg Siput mencadangkan beberapa perkara.*

*Pertamanya ialah untuk mengurangkan race to the bottom dengan menurunkan kadar corporate tax kerana persinggan antara negara ASEAN. Yang Berhormat berpendapat itu satu perkara yang tidak sihat dan YB mahu supaya ada perjanjian di kalangan negara ASEAN, sesiapa yang melanggar perjanjian itu dikenakan tariff.*

*Satu lagi YB juga mencadangkan supaya ada perjanjian gaji minima dan gaji minima itu hendak dinaikkan 10 peratus setahun. Saya tahu YB mempunyai world view, tasawwur tersendiri yang saya cukup faham dalam interaksi dengan YH lima tahun ini. Kita hormati pandangan Yang Berhormat tetapi dua cadangan ini tidak praktikal untuk kita memaksa negara-negara ASEAN bersetuju dalam 2 perkara ini, yang pertama untuk mengdakwa satu kadar cukai yang uniform dan mana-mana negara yang mengurangkan kadar dikenakan tarif.*

*Satu lagi adalah untuk menaikkan gaji minima 10 peratus setiap tahun dan mana-mana negara yang tidak ikut dikenakan penalti. Ini tidak praktikal dan saya berani memberi jaminan bahawa tidak akan dipersetujui oleh mana-mana negara. Kita tengok Eropah, walaupun mereka ada European Union, NATO dan Parlimen di Brussels, tetapi corporate tax mereka berlainan, VAT mereka berlainan, 18 peratus ada, 20 peratus adadan 25 peratus ada.*

## **Pencelaan Dr Jeyakumar**

*Saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Memang idea yang saya membawa mungkin nampak ganjil sedikit. Akan tetapi kita harus lihat masalah di dunia sekarang, masalah kelembapan dalam perkembangan ekonomi dunia. Masalah ini berkaitan rapat dengan pengagihan pendapatan di mana kelas bilionnaire mengambil dan simpan se bahagian besar daripada*

*pendapatan dan bakinya tidak mencukupi untuk merangsangkan permintaan kasar.*

*Jadi, kita kena hujah daripada sudut Keynes, bahawa adalah amat perlu kita agihkan pendapatan dunia ke tangan kerajaan dan ke tangan rakyat biasa supaya aggregate demand, permintaan kasar dapat diperkembangkan. Ini akan merupakan satu “virtuous cycle” yang dapat menangani kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi, kekurangan sempatan untuk pelaburan dan masalah pengangguran. Cadangan-cadangan saya adalah baik untuk sistem kapitalis sendiri.*

### **Dato Sri Mustapa Mohamed**

*Model Yang Berhormat ini idealistic. Negara Cina walaupun sebuah negara komunis, dari segi ekonominya, mereka laissez faire. Collapse of the Berlin Wall dalam tahun 1989, East Germany sudah tidak ada lagi. Russia, 1989, Gorbachev buka Perestroika di sana. Jadi model yang YB cuba ketengahkan di Dewan ini sudah tidak beberapa kesan.*

### **PSM dapat menambah nilai pada sistem politik Malaysia**

(Ucapan oleh Dr. Jeyakumar semasa sidang akhbar pelancaran Kempen Jelajah PSM Menuju PRU-14 pada 2/9/17)

Parti Sosialis Malaysia (PSM) melancarkan Kempen Jelajah PSM untuk memperkenalkan program PSM kepada lebih ramai rakyat Malaysia. Hasrat PSM adalah untuk menyampaikan pada rakyat Malaysia betapa pentingnya kehadiran parti politik berideologi sosialis di arena politik Malaysia.

Saya ingin menghuraikan 5 cara utama penglibatan PSM di politik Malaysia menambahkan nilai kepada proses politik di Malaysia.

- 1. PSM membawa suara akar umbi.** Adalah DNA PSM untuk turun ke padang dan wujudkan perhubungan dengan lapisan-lapisan masyarakat yang miskin dan terpinggir untuk mendapat tahu masalah-masalah mereka. Oleh itu, PSM tahu secara mendalam, isu-isu berkaitan dengan peneroka bandar yang tiada geran tanah, petani kecil yang mengusahakan tanah kerajaan, pekerja ladang, penghuni rumah pangsa kos rendah yang tidak diselenggara secara baik, pekerja kontrak di sekolah dan hospital kerajaan, pemandu lori, Orang Asli, pekebun kecil getah, pesawah padi, nelayan, pekerja migran dan sebagainya.

Memang parti-parti lain juga keluarkan kenyataan akhbar dari masa ke semasa berkaitan golongan-golongan ini, tetapi PSM adalah parti yang amat rapat dengan golongan ini dan memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

Jika seorang atau dua orang wakil PSM masuk ke Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen, suara golongan B40 akan lebih kedengaran di situ. Ini akan memantapkan sistem politik di negara kita – isu-isu lapisan yang miskin akan dibawa kepada perhatian umum.

- 2. PSM tegas menolak politik perkauman.** 60 tahun politik berdasarkan parti dan tuntutan bersifat perkauman telah menjadikan hampir semua warga Malaysia berfahaman separasis. Oleh itu, memainkan isu etnik merupakan kaedah

termudah untuk menjadi “popular” dan mendapat sokongan orang ramai. Tetapi, PSM mengelak daripada pendekatan mudah ini. Ini kerana pendekatan rasis adalah jalan buntu. Ia tidak membawa kita ke arah penyelesaian masalah rakyat kerana penyelesaian itu memerlukan kerjasama rakyat majmuk yang terpinggir dalam usaha mencabar sistem ekonomi yang berpihak pada golongan yang maha kaya.

3. **PSM berpendirian bahawa pemimpin politik adalah penjana korupsi di negara kita.** Ini kerana sistem politik berdemokrasi kita memerlukan dana – untuk membuka pejabat, untuk mengupah orang sebagai pekerja penuh masa, untuk mengadakan program, untuk kenderaan, untuk bahan-bahan bacaan dan sebagainya. Di Malaysia, tidak ada peruntukan daripada dana umum kepada semua parti politik di bawah satu sistem yang saksama. Oleh itu, pemimpin politik terpaksa cari dana itu, dan ini melipatgandakan pengaruh kaum maha kaya dalam sistem politik negara dan juga membuka ruang untuk amalan salahguna amanah rakyat untuk menyeleweng wang kerajaan.

PSM memahami bahawa pemimpin politik seperti Ho Chi Minh ataupun Tok Guru Nik Aziz adalah “pengecualian” dan kita tidak boleh membentuk sistem politik kita atas harapan pemimpin-pemimpin yang berintegriti seperti mereka akan memegang jawatan tertinggi. PSM percaya bahawa sistem politik kita harus dibentuk untuk manusia biasa. Namun, setiap manusia biasa mempunyai potensi menjadi “jahat” jika diberi terlalu banyak kuasa, dan sekiranya tiada sistem semak dan imbang (*check and balance*). Satu antara semak dan imbang yang perlu adalah, pengisytiharan aset peribadi setiap tahun oleh wakil rakyat. Ini akan bantu mencegah salahguna kuasa di kalangan pemimpin kita. Satu lagi adalah pendirian bahawa sesiapa yang ingin menjadi kaya-raya tidak patut menceburi bidang politik sebaliknya carilah bidang lain. Pemimpin

politik harus mengelakkan diri daripada menggunakan posisinya sebagai ADUN atau ahli parlimen untuk mencari kekayaan!

4. **PSM benar-benar percaya pada rakyat.** Kami tidak menganggap rakyat sebagai satu kelompok yang kurang bijak yang harus dipermainkan dengan janji-janji manis dan hujah-hujah emosi dan rasis untuk mendapat sokongan mereka. PSM percaya rakyat biasa boleh memahami isu-isu nasional yang penting jika kita ambil masa untuk menerangkan pada mereka. Itulah sebabnya PSM sering mengedarkan risalah kepada rakyat berkaitan pelbagai isu – GST, Gaji Minimum, Skim Insurans Pekerjaan, Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), banjir, GATCO, Skim Pesakit Bayar Penuh di Hospital Kerajaan dan banyak isu lagi. Kami mengeluarkan penerangan ini dalam beberapa bahasa kerana PSM percaya bahawa rakyat biasa cukup bijak untuk memahami isu sebenar, mengambil bahagian dalam perbincangan isu-isu ini dan membuat keputusan yang matang.

PSM juga bergantung pada kuasa rakyat untuk mengatasi masalah. Di mana-mana situasi, prosedur operasi standard (SOP) PSM adalah untuk menghimpunkan rakyat dan menubuhkan satu jawatankuasa untuk meneliti dan mengendali isu itu. Selepas itu, kami cuba menggabungkan jawatankuasa dari beberapa kawasan dalam satu jaringan supaya mewujudkan tekanan yang lebih berkesan. PSM tidak bergantung pada kepandaian pemimpin PSM, tetapi percaya pada Kuasa Rakyat. Peranan PSM adalah untuk melahirkan dan memantapkan kuasa ini.

5. **PSM berfikir “di luar kotak”** (*outside the box*). Kebanyakan pemimpin politik daripada parti-parti lain terperangkap di dalam kotak pemikiran neoliberal yang percaya pada laungan Margaret Thatcher bahawa “tiadanya alternatif lain” (*There is no alternative*). Para Sosialis percaya bahawa “sebuah dunia yang lebih baik boleh dicapai” (*A Better World is Possible*) dan wujudnya alternatif yang lebih baik daripada model

pembangunan neoliberal yang telah diterima oleh pemimpin kedua-dua pihak BN dan Pakatan Harapan. Umpamanya,

- kami percaya bahawa penswastaan kemudahan asas mesti diberhentikan dan dimiliknegarakan oleh kerajaan secara berperingkat.
- kami percaya bahawa eksplorasi terhadap negara sedang membangun oleh 100 buah syarikat terbesar di dunia masih berterusan walaupun era penjajahan sudah tamat 50-60 tahun yang lalu. Eksplorasi sekarang beroperasi melalui manipulasi harga jualan barang, di mana barang buatan Afrika dan Asia ditekan ke paras amat rendah, tetapi barang buatan syarikat terbesar dijual dengan harga yang semakin tinggi.
- Kami bantah persetujuan perdagangan bebas seperti TPPA yang terlalu berat sebelah kepada golongan yang maha kaya sehingga menyekat ruang kerajaan negara dunia ketiga dalam membantu sektor-sektor rakyat yang terpingir dan miskin.
- Kami mengesyorkan untuk memantapkan kerjasama ekonomi antara negara-negara Afrika dan Asia. Kami mahu menghidupkan balik Semangat Bandung 1955.

Pendek kata, PSM membawa analisa dan pendirian yang berlainan kepada pentas perdebatan politik negara. PSM merupakan nafas baru kepada sistem politik Malaysia. Walaupun langsung tiada kesempatan untuk PSM menubuhkan kerajaan selepas PRU-14, kami boleh memainkan peranan penting dengan mempertengahkan isu, analisa, kaedah bekerja dan pendirian seperti yang disimpulkan di atas. Inilah sebabnya kami berpendapat bahawa penglibatan PSM dalam PRU-14 adalah untuk kebaikan rakyat negara kita. PSM boleh memain peranan penting dalam proses *merakyatkan* sistem politik negara kita dan menjadikannya lebih inklusif dan demokratik lagi.

*Kepada*

*Pengundi-pengundi Sg Siput yang saya hormati,*

*Buku perbahasan ini adalah jilid ke 10 sejak saya masuk Parlimen pada tahun 2008. Memandangkan suasana politik pada takat ini ianya mungkin merupakan kali terakhir saya akan mengeluarkan lapuran*

*sebegini. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap terima kasih kepada anda semua atas peluang bertugas sebagai wakil anda di Parlimen.*

*Seperti dijanji oleh saya pada tahun 2008 dan 2014, saya telah cuba sedaya upaya untuk turun ke padang, memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Sg Siput dan membawa isu-isu ini ke perhatian pihak atasaran termasuk ke Dewan Rakyat. Saya juga telah mencuba menubuhkan jaringan rakyat untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.*

*Saya dan pasukan saya juga telah berusaha membawa budaya baru ke bidang politik di Malaysia - yang tidak mempermainkan isu etnik dan rasia, yang berusaha membina persefahaman di masyarakat majemuk kita, yang cuba menyuarakan isu-isu yang dihadapai oleh rakyat biasa. Kami juga cuba memperkenalkan SOP bagi memastikan wakil rakyat tidak menyalahgunakan kuasa untuk mengkayakan diri dan keluarga.*

*Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf atas kelemahan dan kesilapan saya dan pasukan saya dalam menangani isu-isu masyarakat Sg Siput.*

*Perjuangan untuk mewujudkan satu masyarakat yang adil dan penyayang akan mengambil tempoh masa beberapa dekad lagi. Menang atau kalah dalam PRU14, saya akan berada bersama mereka-mereka yang meneruskan perjuangan yang murni ini.*

*Selamat berjuang! Dan terima kasih sekali lagi.*

*Dr Jeyakumar*